

KAEDAH IsSAM SATU INOVASI DALAM P&P BAHASA MELAYU**NOOR ZILA MD. YUSUF & AMIR BIN JUHARI**

noorzilayusuf@yahoo.com

Jabatan Pengajian Melayu

IPG Kampus Rajang, Bintangor

Sarawak

ABSTRAK

Kemahiran mengolah dan menghurai isi karangan terutama dalam kalangan murid GALUS (gagal dan lulus) sangat kurang diberi perhatian oleh guru-guru. Bagi murid-murid GALUS, mereka masih belum menguasai kemahiran mengolah isi karangan kerana beberapa faktor. Antaranya kurang idea, tahap penguasaan bahasa yang sangat lemah, kosa kata yang terhad dan tabiat membaca yang rendah. Akibatnya karangan yang dihasilkan oleh murid terlalu pendek, isi tidak jelas dan isi pokok tidak dihurai dengan baik. Kaedah IsSam diperkenalkan bertujuan meningkatkan kemahiran mencari dan mengolah isi karangan dalam kalangan murid GALUS. Satu kajian tindakan telah dilaksanakan untuk menguji keberkesanan Kaedah IsSam. Sepanjang kajian, pengkaji telah menjalankan sesi pengajaran menggunakan pendekatan proses, melaksanakan ujian pra, mengadakan tiga sesi pengajaran menggunakan Kaedah IsSam dan mengadakan ujian pos. Pengkaji juga telah membuat perbandingan keputusan ujian pos dan ujian pra untuk melihat keberkesanan penggunaan Kaedah IsSam. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pos. Pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam ujian pos berbanding pencapaian dalam ujian pra. Pengkaji juga mencadangkan agar kajian lanjut terhadap penggunaan Kaedah IsSam meliputi skop yang lebih luas dan menyeluruh dapat dijalankan supaya boleh digeneralisasikan

Kata kunci: kaedah IsSAM, kemahiran mengolah karangan, pendekatan proses, ujian pra dan pos.

ABSTRACT

Composing and elaboration skills of content in essay writing especially among GALUS students (fail and pass) have been given less attention by teachers. The GALUS students have not mastered these skills due to a number of factors. Among them are the lack of ideas, low proficiency, limited vocabulary and poor reading habits. As a result, essays produced by these students are too short with unclear content and unsatisfactory elaboration. By combining linguistic elements and language learning theories, the 'Issam method' was introduced and employed by the researchers to help the students. An action research was undertaken to test the effectiveness of this particular method. Throughout the study, the researchers conducted the teaching and learning using the process approach, carried out a pre and post test and conducted three teaching and learning sessions using the 'Issam method'. The finding revealed that there were significant differences between the achievement of the students in the pre-test and post-test. The students' performances were better in the post-test compared to the pre-test. The researchers suggest that further studies should be conducted to explore the use of 'Issam method' more extensively that will yield a richer and more conclusive data.

Keywords: IsSAM method, essay writing skills, process approach, pre and post test.

Pengenalan

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang sangat penting bagi murid-murid sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Tidak semua murid dapat menulis karangan dengan baik. Terdapat banyak faktor yang dikenalpasti sebagai punca kelemahan murid menulis karangan. Tabiat membaca yang kurang diamalkan menyebabkan mereka kekurangan ilmu pengetahuan dan kosa kata yang boleh digunakan dalam aktiviti lisan dan penulisan. Kebanyakan pelajar ini juga kurang berkomunikasi di rumah serta tidak mengamalkan budaya membaca di rumah mahupun di sekolah. Murid seperti ini sebenarnya perlu diberi galakan dan motivasi bukan sahaja di sekolah tetapi di rumah. Faktor sosioekonomi juga merupakan antara faktor yang menjadi punca kelemahan murid. Mengikut kajian, kanak-kanak daripada keluarga kelas atasan dan pertengahan didapati boleh menguasai bahasa dengan lebih cepat dan lebih baik berbanding kelas bawahan. Semakin tinggi taraf sosioekonomi sesebuah keluarga semakin tinggi taraf penguasaan bahasa ahli-ahli keluarga.

Kemahiran mengolah dan menghurai isi karangan terutama dalam kalangan murid GALUS (gagal dan lulus) sangat kurang diberi perhatian oleh guru-guru. Kemahiran ini sangat penting bagi murid-murid untuk melepasi tahap gagal dan seterusnya mencapai keputusan yang cemerlang untuk peperiksaan yang bakal diduduki. Di samping itu, kemahiran ini perlu diterapkan seawal mungkin memandangkan mereka akan menempuh perjalanan yang panjang untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi murid-murid GALUS, mereka masih belum menguasai kemahiran mengolah isi kerana beberapa faktor. Antaranya kurang idea, tahap penguasaan bahasa yang sangat lemah, kosa kata yang terhad. Selain itu, tabiat membaca yang rendah juga menyebabkan masalah ini timbul. Akibatnya karangan yang dihasilkan oleh murid terlalu pendek, isi tidak jelas dan isi pokok tidak dihurai dengan baik. Keadaan ini akan mempengaruhi sistem pemarkahan jika diukur melalui peperiksaan.

Murid kategori GALUS ini biasanya kurang atau tidak mempunyai keyakinan diri disebabkan pelbagai kelemahan yang dihadapi mereka. Kaedah IsSam diperkenalkan bertujuan meningkatkan kemahiran mencari dan mengolah isi karangan dalam kalangan murid-murid GALUS. Dengan mempraktikkan kaedah ini, maka kita berharap masalah ini akan dapat diatasi seterusnya mengurangkan jurang perbezaan antara murid cemerlang dan murid GALUS. Malah jika kaedah ini dipraktikkan secara konsisten dengan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, tidak mustahil jika pelajar GALUS menjadi pelajar cemerlang dalam penulisan.

Kajian Lalu Berkaitan Kaedah Mengajar Karangan

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan di negara-negara barat tentang kaedah mengajar penulisan. Kebanyakan pengkaji barat berpendapat bahawa, pengetahuan tatabahasa bukanlah kaedah yang berkesan dalam mengajar penulisan. Namun begitu para pengkaji seperti Braddock et.al (1963), Broto et.al (1974), Bullock et.al (1975) dan Brown 1980) sependapat bahawa latihan membina ayat yang memberatkan penggunaan imbuhan, frasa, klausa dan amali teknik penulisan adalah satu kaedah yang berkesan dalam pengajaran.

Awang Mohd Amin (1983), dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa, untuk mendapatkan kesempurnaan dalam menulis karangan, guru tidak perlu memberi latihan amali yang panjang-panjang tetapi yang perlu ialah latihan itu mesti merupakan satu latihan yang intensif yang betul-betul berguna dan menolong para pelajar membentuk ayat dan perenggan.

Kajian ke atas pendekatan yang membanyakkan latihan menulis telah dijalankan oleh Buxton (1958). Beliau telah melihat kesan dua kaedah pengajaran menulis karangan iaitu kaedah bebas dan kaedah perbincangan. Kaedah bebas yang dimaksudkan ialah kaedah pengajaran yang memberi kebebasan tanpa gangguan dalam penulisan. Guru hanya membaca karangan pelajar tanpa memberi sebarang komen. Melalui kaedah perbincangan karangan yang akan dihasilkan dibincang terlebih dahulu oleh guru dan murid. Selepas karangan diperiksa guru akan memulangkan karangan kepada pelajar dengan komen positif dan negatif. Kedua-dua pandangan tersebut masih belum menunjukkan kaedah mengajar penulisan yang konkrit yang boleh diikuti oleh guru-guru bahasa. Ketiadaan satu kaedah yang baik menyebabkan guru-guru menyampaikan pelajaran dengan cara yang tersendiri.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh terkenal, jelas menunjukkan bahawa kita tidak seharusnya bergantung pada satu kaedah pengajaran sahaja dalam mengajar murid-murid menulis karangan. Sebagai guru yang kreatif kita perlu memikirkan pelbagai cara dan kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran karangan agar dapat membantu murid menghasilkan karangan yang baik. Justeru, Kaedah IsSam diperkenalkan dengan tujuan memperkaya dan mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sedia ada. Guru perlu bijak memilih kaedah yang sesuai digunakan berdasarkan tahap kebolehan murid.

Refleksi Pengajaran Lalu

Kegawatan kemahiran menulis karangan terutama dalam kalangan murid lemah menyebabkan mereka kerap gagal dalam peperiksaan Bahasa Melayu. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kegagalan murid menguasai teknik mengarang. Abdul Galib (2007) mendapati fenomena ini berpunca daripada kegagalan mereka menulis ayat yang betul dan mengemukakan idea yang relevan dengan tajuk yang diutarakan. Pada peringkat peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, murid-murid perlu menulis sebuah karangan pada bahagian B Kertas Penulisan. Murid-murid mesti menulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan yang memperuntukkan sebanyak 30 markah.

Satu sesi pengajaran menggunakan Pendekatan proses telah dijalankan oleh guru sebelum memperkenalkan Kaedah IsSam. Dengan menggunakan pendekatan proses guru menjalankan langkah pengajaran seperti berikut :

1. Guru memberi tajuk karangan iaitu 'Kelebihan Menonton Televisyen' pada hari sebelum pengajaran dijalankan.
2. Murid mencari maklumat dari pelbagai sumber yang berkaitan dengan topik.
3. Murid berbincang dengan guru untuk memilih maklumat yang menepati dan berkaitan dengan topik.
4. Guru dan murid berbincang tentang isi-isi penting yang sesuai dengan tajuk.
5. Murid menyediakan rangka karangan berbentuk grafik.
6. Guru menyemak dan membetulkan rangka karangan serta membuat skemata.
7. Setelah rangka karangan menepati tajuk, murid menyediakan draf karangan kali kedua.
8. Proses mengedit rangka karangan dilakukan oleh guru.
9. Murid menulis karangan dan menghantar kepada guru.
10. Guru menyemak dan memulangkan karangan kepada murid.

Setelah disemak hasil karangan kelemahan murid dapat dikenalpasti seperti berikut:

1. Tidak dapat membina ayat lengkap bagi sesebuah karangan.
2. Tidak menghurai isi pokok atau idea utama.
3. Tidak memberi contoh-contoh yang sesuai berkaitan isi pokok.
4. Jumlah perkataan yang terhad.
5. Penggunaan bahasa yang tidak gramatis.
6. Memilih kata (diksi) yang tidak sesuai dan tepat.

7. Tidak mahir penggunaan tanda baca.
8. Pemerenggan tidak sekata.

Kelemahan pendekatan proses

1. Mengambil masa yang lama kerana terpaksa melalui beberapa proses
2. Tumpuan pada perkembangan isi kurang baik.
3. Murid dapat membina rangka karangan yang lengkap tetapi tidak dapat menghurai atau mengolah isi dengan baik.
4. Membosankan murid, kerana terpaksa menulis draf atau rangka karangan berulang-ulang.

Berdasarkan pemerhatian dan refleksi pengkaji terhadap pengajaran menggunakan Pendekatan Proses, didapati murid cemerlang dapat menulis dengan baik, namun murid-murid GALUS tidak dapat menulis karangan yang panjang dan tidak dapat menghurai isi pokok yang relevan dengan tajuk. Oleh itu, pengkaji mencuba satu kaedah yang sesuai digunakan oleh murid GALUS untuk meningkatkan kemahiran mereka menghurai dan mengolah isi karangan. Kaedah IsSam diperkenalkan dengan tujuan membolehkan seseorang guru mengguna dan mengaplikasikan kaedah pengajaran karangan yang sesuai dengan tahap kebolehan murid mereka. Kaedah ini tidak membebankan murid lemah atau GALUS untuk menghafal terlalu banyak isi karangan terutama murid yang sememangnya lemah dalam membina ayat untuk tujuan meningkatkan prestasi Bahasa Melayu (Penulisan).

Ujian Pra

Sebelum melaksanakan Kaedah IsSam, pengkaji telah membuat Ujian Pra ke atas 10 orang murid kategori GALUS di salah sebuah sekolah rendah di daerah Bintangor. Melalui ujian ini murid-murid dikehendaki menjawab soalan karangan fakta bertajuk “Kepentingan Membaca Akhbar”. Masa diberi selama satu jam untuk mereka menyiapkan karangan tersebut.

Pengkaji seterusnya menyemak karangan tersebut berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan terlebih dahulu dan mencatat keputusan murid. Skema pemarkahan yang ditetapkan ialah :

ARAS	SKOR	KESALAHAN BAHASA	KRITERIA
CEMERLANG	25 - 30	01- 05	-sekurang-kurangnya 3 isi

			-pengolahan idea yang sangat baik -persembahan menarik
BAIK	16 - 24	06 - 10	-sekurang-kurangnya 2 isi -pengolahan idea yang baik -persembahan masih menarik
MEMUASKAN	08 -15	11 - 15	-sekurang-kurangnya 1 isi -persembahan mudah dan ringkas
PENCAPAIAN MINIMUM	TAHAP 01 - 07	16 ke atas	-isi kurang jelas dan tidak tepat -persembahan tidak sesuai dengan tajuk

Setelah membuat penyemakan mengikut skema yang ditetapkan , markah yang diperoleh direkodkan seperti berikut :

Keputusan Ujian Pra

Bil	Responden	Skor
1	Murid 1	13
2	Murid 2	15
3	Murid 3	12
4	Murid 4	12
5	Murid 5	14
6	Murid 6	14
7	Murid 7	14
8	Murid 8	12
9	Murid 9	13
10	Murid 10	12

Berdasarkan analisis ujian pra, secara keseluruhan tiada seorang murid pun mencapai tahap cemerlang. Hanya 3 orang murid mencapai tahap baik dengan mendapat skor 16 dan 17. Manakala selebihnya 7 orang murid mencapai tahap memuaskan iaitu antara 12-14 skor. Tidak ada seorang murid pun yang mendapat pencapaian tahap minima. Hal ini bermakna murid tersebut masih boleh dibantu untuk mencapai keputusan yang baik. Antara kelemahan mereka yang dapat dikenalpasti melalui ujian pra ialah:

- a) Isi pokok/ idea utama tidak cukup
- b) Idea masih kurang relevan dengan tajuk
- c) Huraian idea tidak jelas
- d) Jumlah perkataan kurang daripada 80 patah
- e) Olahan isi kurang mantap tanpa disokong oleh contoh yang relevan
- f) Pemerenggan tidak sekata
- g) Terdapat banyak kesalahan bahasa
- h) Ayat yang tidak gramatis

Pernyataan Masalah

Dapatan Ujian Pra dan hasil temubual dengan guru Bahasa Malaysia tahun 6 di sekolah terlibat telah memberi gambaran kepada pengkaji tentang wujudnya beberapa masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan. Antaranya;

Masalah dalam Pengajaran

Bullock (1975) pernah menyatakan bahawa masalah yang paling besar dalam pengajaran dan pembelajaran karangan ialah wujudnya satu keadaan yang mencabar ketekunan, kesabaran dan dedikasi guru-guru yang terlibat dengan pengajaran tersebut. Antara masalah yang dapat dikesan dalam kalangan guru ialah :

- a) Guru kurang mahir tentang kaedah dan teknik mengajar karangan
- b) Guru kurang peruntukan waktu untuk memeriksa karangan murid
- c) Guru tidak terlatih, khusus dalam pengajaran karangan
- d) Guru tidak memberi perhatian kepada murid GALUS
- e) Guru kurang membimbing murid semasa aktiviti penulisan karangan berjalan
- f) Guru tidak kreatif dalam mempelbagaikan kaedah mengajar karangan

Masalah dalam Pembelajaran

Berdasarkan kajian pengkaji, murid-murid GALUS bukanlah terdiri daripada murid-murid yang benar-benar lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Kebanyakan daripada mereka boleh membaca dan membina ayat-ayat mudah. Namun, hakikatnya mereka kurang idea dalam mencari dan mengolah isi karangan. Antara punca utama perkara ini berlaku dalam kalangan murid GALUS ialah :

- a) Murid kurang latihan untuk menulis karangan
- b) Murid tidak didedahkan dengan teknik yang betul dalam menulis karangan
- c) Murid diabaikan oleh guru kerana dianggap lemah
- d) Murid tiada motivasi dan dorongan untuk menulis karangan
- e) Murid dibebankan dengan karangan-karangan yang mencabar

Masalah dalam Penulisan Karangan

- a) Isi pokok/ idea utama tidak cukup
- b) Idea masih kurang relevan dengan tajuk
- c) Huraian idea tidak jelas
- d) Jumlah perkataan kurang daripada 80 patah
- e) Olahan isi kurang mantap tanpa disokong oleh contoh yang relevan
- f) Pemerenggan tidak sekata
- g) Terdapat banyak kesalahan bahasa
- h) Struktur ayat yang tidak gramatis
- i) Tidak tahu menggunakan tanda baca
- j) Pemilihan diksi yang tidak sesuai

Kaedah IsSam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu

Perkataan IsSam adalah akronim daripada dua perkataan yang menjadi fokus utama dalam kaedah ini iaitu Is bermaksud ‘isi’ manakala Sam mendokong maksud ‘sama’. Kombinasi kedua-dua perkataan ini iaitu ‘isi sama’ menjelaskan bahawa kaedah ini menekankan kepada penggunaan isi pokok yang sama dalam menjawab soalan karangan untuk tajuk yang berbeza bagi karangan fakta dan bukan fakta. Hal ini bererti, dengan menggunakan kaedah ini murid-murid tidak dibebankan untuk mencari atau memikirkan terlalu banyak isi bagi beberapa tajuk karangan dalam menulis karangan sama ada untuk tujuan peperiksaan ataupun tidak. Walau bagaimanapun melalui sistem pendidikan sekarang yang lebih berorientasikan peperiksaan kita tidak mengelak bahawa kaedah ini akan meningkatkan peratus lulus dalam peperiksaan awam yang diadakan bagi kertas Penulisan.

Kajian pelaksanaan Kaedah IsSam bermula pada bulan Jun 2009. Berdasarkan kajian pengkaji melihat kelemahan murid-murid dalam penulisan karangan ialah mencari isi pokok dalam penulisan karangan terutama karangan berbentuk fakta. Pengkaji mula meneliti dan mengkaji masalah yang dihadapi oleh murid dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik. Dengan menjadikan teori Behaviourisme sebagai asas dan melihat hubungan paradigmatic dalam teori linguistik, pengkaji cuba mencari satu kaedah yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran karangan. Penelitian terhadap kajian lalu yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh terkenal telah memberi gambaran kepada pengkaji bagaimana menghasilkan satu kaedah yang boleh menjimatkan masa, kos dan memudahkan murid dan guru.

Asas Kaedah IsSam

Berasaskan Teori Behaviourisme

Dalam menghasilkan kaedah IsSam, pengkaji mengaplikasikan teori pemerolehan bahasa “behaviourisme” sebagai asas kepada kejayaan kaedah IsSam. Prinsip asas menurut Teori Behaviourisme yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh terkenal seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner adalah seperti berikut :

- Bahasa dikuasai melalui proses pengulangan, secara mekanis
- Berasaskan kepada proses pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak.
- Kanak-kanak memperoleh bahasa pertama melalui peniruan yang berulang-ulang.
- Pengajaran bahasa harus tekankan latihan & pengulangan
- Melalui pembentukan kebiasaan
- Tidak berkaitan penyelesaian masalah

Asas teori Behaviorisme yang menjadi nadi kepada kaedah IsSam ialah **latihan, ulangan, peniruan dan kebiasaan**. Berdasarkan 4 perkara ini kaedah IsSam berpegang kepada prinsip ‘sesuatu yang ditiru, jika dilatih secara berulang-ulang akan membentuk kebiasaan’. Peniruan bukan sesuatu yang menjadi kesalahan kerana melalui peniruan seseorang itu akan membentuk satu kebiasaan dalam dirinya. Peniruan dalam kaedah IsSam ialah meniru isi-isi yang sama daripada karangan yang berlainan tajuk. Oleh kerana kaedah ini sangat mementingkan ulangan dan latihan maka komitmen yang tinggi harus dilakukan oleh semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan murid-murid.

Hubungan Paradigmatik

Pengkaji juga menggunakan konsep hubungan paradigmatik dalam teori linguistik untuk menghurai kaedah IsSam dalam pengajaran karangan. Kridalaksana (1983) menjelaskan bahawa paradigmatik diertikan sebagai hubungan antara unsur-unsur bahasa dalam tingkat tertentu dengan unsur-unsur lain di luar tingkat itu yang dapat ditukarkan. Contohnya :

Kami bermain bola

Saya bermain bola

Orang itu bermain bola.

Dalam hubungan paradigmatic, kami merupakan unsur yang boleh ditukar ganti dengan ‘orang’ ‘itu’ dan ‘saya’. Dengan melihat hubungan paradigmatic ini pengkaji berpendapat adalah lebih mudah jika mengajar murid-murid GALUS dengan kaedah ini iaitu melalui proses penggantian terhadap isi yang sama bagi tajuk yang berlainan.

Menggunakan isi yang sama bagi menulis beberapa tajuk karangan sangat penting kepada murid GALUS kerana mereka mempunyai keupayaan mencungkil idea yang sangat terhad. Guru juga tidak perlu mengemukakan isi baharu kepada pelajar walaupun guru tersebut memberi tajuk yang berlainan semasa memberi latihan menulis karangan. Keadaan ini akan lebih menjimatkan masa guru dan murid berkenaan dalam satu sesi pengajaran. Konsep yang hanya menggunakan isi yang sama untuk beberapa tajuk akan memberi keyakinan kepada murid GALUS untuk menjawab soalan karangan setanding dengan murid cemerlang di kelas mereka. Keadaan ini akan memberi dorongan dan motivasi terhadap mereka yang selama ini dianggap sudah tidak dapat dibantu lagi

Menggunakan Formula

Kejayaan Kaedah IsSam juga bergantung kepada dua formula berikut :

I	Isi
K	Kesan
C	Contoh

IKC iaitu ‘I’ keupayaan mengolah isi dengan meletakkan isi utama sebagai pokok, ‘K’ ialah kesan yang berlaku terhadap isi utama dan ‘C’ merupakan contoh-contoh yang relevan berkaitan isi utama. Dengan menggunakan formula IKC, olahan karangan akan menjadi lebih bermakna dan perbezaan individu dapat dilihat walaupun mereka menggunakan isi pokok yang sama dalam penulisan karangan. Selain itu, untuk menggalakkan murid menulis karangan yang panjang dan memenuhi kehendak soalan, kaedah IsSam juga menggunakan formula mudah seperti dalam rajah berikut.

P1 2A 16 PP
P2 3A 24 PP
P3 3A 24 PP
P4 3A 24 PP
P5 2A 16 PP

Berdasarkan rajah di atas P bermaksud perenggan, A bermaksud ayat dan PP patah perkataan. Sebagai rumusan, perenggan 1, 2 Ayat, 16 patah perkataan. Perenggan 2 hingga 4, 3 ayat, 24 patah perkataan, perenggan 5, 2 ayat dan 16 patah perkataan. Seorang guru yang ingin menggunakan kaedah IsSam perlu melatih murid untuk menulis sekurang-kurangnya 8 patah perkataan untuk 1 ayat. Justeru, jumlah perkataan bagi keseluruhan karangan pelajar menurut kaedah IsSam ialah lebih kurang 104 patah perkataan. Jumlah ini sangat sesuai dan tidak membebankan murid.

Tujuan kaedah IsSam

Kaedah IsSam ini dihasilkan dengan tujuan membantu murid-murid lemah dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan. Biasanya guru akan menggunakan kaedah yang sama mengajar karangan tanpa mengambil kira perbezaan individu murid di kelas berkenaan. Khairiah Ahmad (1980) menyatakan bahawa pengajaran guru biasanya bermula dengan guru memberikan tajuk, kemudian guru dan murid membincangkan serba sedikit isinya dan seterusnya murid-murid diminta menulis karangan dengan jumlah perkataan yang tertentu. Kaedah pengajaran seperti ini akan mengabaikan murid-murid GALUS dan ini akan menyebabkan mereka berasa rendah diri. Oleh itu, pengkaji berharap kaedah IsSam ini dapat membantu murid-murid menyelesaikan masalah menulis karangan pada peringkat awal lagi.

Antara tujuan Kaedah IsSam ialah :

- 1) Membolehkan murid-murid membina ayat lengkap bagi sesebuah karangan.
- 2) Membolehkan murid-murid mencari isi-isi/idea pokok untuk sesuatu tajuk karangan
- 3) Membolehkan murid-murid menghurai isi pokok
- 4) Membolehkan murid-murid mengemukakan contoh-contoh yang sesuai berkaitan isi pokok
- 5) Membolehkan murid-murid menulis karangan yang panjang
- 6) Membolehkan murid-murid menggunakan bahasa yang gramatis
- 7) Membolehkan murid-murid memilih kata atau diksi yang sesuai dengan tajuk
- 8) Membolehkan murid-murid membina perenggan yang sekata
- 9) Membolehkan murid-murid membuat skemata dalam penulisan karangan (pendahuluan, isi, penutup)

- 10) Membolehkan murid-murid menggunakan tanda baca yang sesuai dalam penulisan karangan

Kelebihan Kaedah IsSam

Kaedah ini mempunyai ciri-ciri yang baik antaranya.

- 1) Tidak memerlukan masa yang panjang di dalam kelas.
Murid yang tahu menggunakan kaedah IsSam dapat menyiapkan karangan dalam masa yang singkat kerana tidak perlu berfikir lama untuk mencari isi pokok.
- 2) Tidak memerlukan pembiayaan yang banyak. Hanya komitmen guru dan murid diperlukan
- 3) Guru yang tidak mahir dalam Bahasa Melayu juga boleh menggunakan kaedah ini untuk mengajar karangan kerana kaedah ini ringkas dan tidak memerlukan pengetahuan mendalam dalam aspek bahasa
- 4) Kaedah ini tidak membebankan guru untuk menggunakan pelbagai alat bantu mengajar. Kreativiti guru hanya bergantung pada teknik penyampaian.
- 5) Kaedah ini juga tidak membebankan murid untuk memikirkan terlalu banyak isi untuk beberapa tajuk yang berlainan. Murid menjadi lebih seronok untuk menulis karangan
- 6) Kaedah ini tidak menghadkan saiz kelas. Berapa ramai pelajar pun boleh diajar menggunakan kaedah ini. Semua murid diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti P&P sama ada secara individu atau berkumpulan.
- 7) Latihan intensif yang terlalu lama tidak diperlukan. Latih tubi yang berterusan telah membentuk satu kebiasaan dalam kalangan murid menyebabkan mereka boleh menulis karangan sendiri tanpa bimbingan guru.
- 8) Tidak mengabaikan pelajar lemah. Pelajar lemah akan dapat menyiapkan karangan setanding dengan rakan-rakan mereka yang lain.
- 9) Guru bertindak sebagai fasilitator sahaja
- 10) Kesilapan bukanlah sesuatu kesalahan tetapi boleh dibaiki melalui ulangan dan latih tubi

Objektif Pengajaran karangan menggunakan Kaedah IsSam

Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan dalam kalangan murid GALUS dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kertas penulisan

Objektif Khusus

- a) Membolehkan murid-murid mengemukakan sekurang-kurangnya 3 isi pokok dalam penulisan karangan
- b) Membolehkan murid-murid mengolah isi karangan
- c) Membolehkan murid-murid membina ayat lengkap
- d) Membolehkan murid-murid menulis sekurang-kurangnya 80 patah perkataan dalam menyiapkan sesebuah karangan
- e) Membolehkan murid-murid membina perenggan karangan dengan seimbang
- f) Membolehkan murid-murid mengemukakan contoh-contoh yang relevan berkaitan isi pokok
- g) Membolehkan murid-murid membuat skemata dalam penulisan karangan.

Pelaksanaan Pengajaran Karangan menggunakan Kaedah IsSam

Setelah analisis ujian pra dibuat pengkaji telah melaksanakan pengajaran di sekolah kajian menggunakan Kaedah IsSam. Pengkaji telah memilih karangan fakta semasa melaksanakan pengajaran di sekolah kajian. Dalam melaksanakan pengajaran, pengkaji telah menggunakan strategi pengajaran berpusatkan guru, berpusatkan murid dan berpusatkan aktiviti. Melalui pengajaran berpusatkan guru, pengkaji memberi penerangan tentang cara menulis karangan menggunakan model IsSam dengan memberi pendedahan tentang formula-formula yang digunakan dalam Kaedah IsSam. Melalui strategi berpusatkan murid, pengkaji telah memberi peluang kepada setiap murid untuk membuat penggantian terhadap isi-isi pokok yang dikemukakan secara individu. Melalui pengajaran berpusatkan aktiviti, murid-murid telah menjalankan aktiviti kumpulan melalui teknik perbincangan. Seterusnya bimbingan yang berterusan diberikan agar murid dapat menghasilkan sebuah karangan lengkap.

Berikut merupakan langkah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan menggunakan Kaedah IsSam dalam pengajaran karangan fakta. Sebanyak 3 sesi pengajaran telah dijalankan ke atas 30 orang murid tahun 6 di salah sebuah sekolah di Bandar Bintangor.

Sesi Pertama

Tarikh : 10/4/2010

Masa : 0800-0930

Tahun : Enam

Bilangan murid : 30 orang

Aktiviti : Guru memperkenalkan Kaedah IsSam kepada murid secara deduktif

- Guru menerangkan formula yang digunakan dalam kaedah IsSam
- Dengan menggunakan satu model karangan “ kepentingan Membaca Akhbar, guru mengaplikasikan konsep penggantian yang terdapat dalam kaedah IsSam
- Murid-murid diberi peluang membuat penggantian dengan menggunakan tajuk yang berlainan.
- Antaranya :
 - a) Kelebihan mengunjungi perpustakaan
 - b) Kebaikan mendengar radio
 - c) Faedah menggunakan komputer
 - d) Kepentingan menonton televisyen

Tajuk Karangan : Kepentingan Membaca Akhbar

- a) Pendahuluan (P 1 – 16 pp)

Terdapat pelbagai jenis **akhbar** di pasaran seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan Utusan Borneo. **Membaca akhbar** sangat penting kepada kita sebagai seorang pelajar.

- b) Perenggan isi (P 2- 24 pp)

Antara faedah **membaca akhbar** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Apabila **membaca akhbar**, kita akan memperoleh pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita.

Contohnya ilmu sejarah, ilmu sains, politik dan geografi.

- c) Perenggan isi (P3 – 24pp)

Selain itu **membaca akhbar** juga dapat menambahkan maklumat dan informasi yang berguna kepada kita. Kita akan memperoleh berita-berita terkini dari dalam dan luar negara. Antaranya ialah berita tentang peperangan, ekonomi, politik dan sukan.

d) Perenggan isi (P4 – 24pp)

Faedah **membaca akhbar** juga dapat memenuhi masa lapang yang terluang. Masa terluang yang berguna ini dapat mengelakkan kita daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Contohnya melepak dan bermain video game.

e) Penutup (P 5 – 16 pp)

Sebagai kesimpulannya marilah sama-sama kita **membaca akhbar**. Banyak faedah yang dapat kita peroleh dengan **membaca akhbar**

- Perkataan bercetak tebal boleh diganti dengan kata kunci daripada tajuk yang berlainan

Sesi Kedua

Tarikh	: 10/4/2010
Masa	: 1000-1100
Tajuk Pelajaran	: Karangan fakta Faedah Lawatan Sambil Belajar
Tahun	: Enam
Bilangan murid	: 30 orang

Objektif pelajaran : Pada akhir pelajaran murid dapat :

- i. Menghurai 3 daripada 5 isi karangan Faedah Lawatan Sambil Belajar setelah berbincang dengan rakan
- ii. Menulis sebuah perenggan karangan yang lengkap menggunakan isi pokok, kesan dan contoh berdasarkan kaedah IsSam.
- iii. Menulis sebuah karangan lengkap mengikut formula yang terdapat dalam Kaedah IsSam

LANGKAH PENGAJARAN	AKTIVITI					
Induksi Set	1. Tayangan video tempat-tempat menarik di Malaysia 2. Guru bersoaljawab dengan murid 2. Guru mengaitkan isi pelajaran					
Langkah 1	Guru dan murid membincangkan isi-isi penting berkaitan tajuk karangan <ul style="list-style-type: none"> a) Meningkatkan ilmu pengetahuan b) Menambahkan maklumat dan informasi c) Mengisi masa lapang d) Hiburan dan Kegembiraan e) Meningkatkan Kemahiran <ul style="list-style-type: none"> - Dengan hanya memilih tiga isi pokok guru memberi penerangan bagaimana mengaplikasikan kaedah IsSam dalam penulisan karangan tersebut. - Guru menekankan formula IKC <ul style="list-style-type: none"> I- isi K- kesan C-contoh - Guru menekankan juga formula ini semasa murid menulis karangan <table border="1" data-bbox="889 884 1377 1087" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>P1 2A 16 PP</td> </tr> <tr> <td>P2 3A 24 PP</td> </tr> <tr> <td>P3 3A 24 PP</td> </tr> <tr> <td>P4 3A 24 PP</td> </tr> <tr> <td>P5 2A 16 PP</td> </tr> </table>	P1 2A 16 PP	P2 3A 24 PP	P3 3A 24 PP	P4 3A 24 PP	P5 2A 16 PP
P1 2A 16 PP						
P2 3A 24 PP						
P3 3A 24 PP						
P4 3A 24 PP						
P5 2A 16 PP						
Langkah 2	Guru membentuk 5 kumpulan. setiap kumpulan akan menghurai isi pokok yang telah dibincangkan menggunakan IKC dengan ayat yang lengkap. Hanya 3 isi pokok dipilih daripada 5 isi yang telah dibincangkan. Kumpulan 1- Pendahuluan Kumpulan 2- isi 1 Kumpulan 3- isi 2 Kumpulan 4- isi 5 Kumpulan 5- Penutup					
Langkah 3	1. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja di hadapan kelas mengikut urutan. 2. Setelah satu karangan lengkap dipaparkan di papan tulis, pelajar diminta mengaitkan setiap perenggan karangan dengan penanda wacana yang sesuai 3. Beberapa orang murid dipilih secara rawak untuk mengenalpasti isi pokok yang terdapat dalam setiap perenggan.					
Penutup	1. Murid diminta membaca karangan tersebut secara individu, kumpulan dan kelas. 2. Guru bersoaljawab dengan murid untuk merumus isi pelajaran					

Sesi Ketiga

Tarikh : 10/4/2010
 Masa : 1130-1230
 Tajuk Pelajaran : Karangan fakta
 Tahun : Enam
 Bilangan murid : 30 orang

Objektif pelajaran : Pada akhir pelajaran murid dapat :

- i. Menghurai 3 daripada 5 isi karangan fakta setelah berbincang dengan rakan
- ii. Menulis perenggan karangan yang lengkap menggunakan isi pokok, kesan dan contoh berdasarkan kaedah IsSam.
- iii. Menulis 5 buah karangan lengkap mengikut formula yang terdapat dalam Kaedah IsSam

LANGKAH PENGAJARAN	AKTIVITI
Induksi Set	1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang isi karangan yang telah dipelajari 2. Guru mengaitkan isi pelajaran
Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"> - Guru memulakan pengajaran dengan memperkenalkan 5 buah tajuk karangan fakta - Antara tajuk-tajuk karangan tersebut ialah <ol style="list-style-type: none"> a) Kebaikan menyertai aktiviti kokurikulum b) Kepentingan Mengunjungi Perpustakaan c) Faedah Menonton Televisyen d) Kelebihan Mendengar Radio e) Faedah Menggunakan Komputer - Guru memaparkan semula hasil karangan yang telah ditulis oleh murid pada sesi sebelumnya. - Guru mengingatkan murid tentang konsep penggantian formula menggunakan Kaedah IsSam - Guru tekankan kepada murid bahawa Faedah/kepentingan/kebaikan/kelebihan adalah perkara yang sama. - Guru membahagikan murid kepada 5 kumpulan - Setiap kumpulan diberi tajuk karangan yang berlainan
Langkah 2	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap kumpulan membina perenggan karangan berdasarkan isi-isi yang telah dibincang pada sesi sebelumnya dengan menggunakan kaedah IsSam. - Guru akan membimbing pelajar dari semasa ke semasa
Langkah 3	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap kumpulan akan membentangkan hasil penulisan karangan - Guru dan kumpulan lain akan cuba membuat penilaian terhadap hasil kerja kumpulan lain dari segi mengemukakan isi pokok, kesan dan contoh. Jumlah perkataan bagi setiap perenggan juga diambil kira berdasarkan formula IsSam

	<ul style="list-style-type: none"> - Hasilnya terdapat 5 buah karangan menggunakan isi yang sama. Namun dari segi pengolahan isi dan contoh agak berlainan. - Guru mengaitkan teknik penulisan dengan kaedah IsSam
Penutup	<ul style="list-style-type: none"> - Bersoaljawab dengan murid untuk menguji pemahaman - Guru mengingatkan murid supaya sentiasa membuat latihan.

Contoh Satu Perenggan Karangan Yang Dihasilkan Menggunakan Isi Yang Sama

Kumpulan 1

Antara kebaikan **menyertai kokurikulum** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Semasa **menyertai kokurikulum**, kita akan mendapat pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita. Contohnya cara berkawat, mendirikan khemah dan menjadi pemimpin.

Kumpulan 2

Antara faedah **menonton televisyen** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Semasa **menonton**, kita akan mendapat pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita. Contohnya ilmu sejarah, ilmu sains, politik dan geografi.

Kumpulan 3

Antara faedah **menggunakan komputer** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Semasa **menggunakan komputer**, kita akan mendapat pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita. Contohnya ilmu berkaitan cara menaip dan menyimpan data.

Kumpulan 4

Antara kepentingan **mengunjungi perpustakaan** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Semasa **mengunjungi perpustakaan**, kita akan mendapat pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita. Contohnya ilmu sejarah, ilmu sains, politik dan geografi

Kumpulan 5

Antara kelebihan **mendengar radio** ialah kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Semasa **mendengar radio**, kita akan mendapat pelbagai jenis ilmu yang berguna kepada kita. Contohnya ilmu sejarah, ilmu sains, politik dan geografi

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah IsSam

Soal selidik Terhadap Keberkesanan Pengajaran Guru Menggunakan Kaedah IsSam

Setelah selesai tiga sesi pengajaran menggunakan Kaedah IsSam, pengkaji telah mengemukakan soal selidik ke atas 30 orang murid yang menyertai sesi pengajaran tersebut dengan menggunakan borang soal selidik. Keputusan analisis keberkesanan pengajaran guru menggunakan Kaedah IsSam seperti berikut:

Analisis Soal selidik Terhadap Keberkesanan Pengajaran Guru Menggunakan Kaedah IsSam

Bil	Pernyataan	Ya		Tidak	
		Jum	%	Jum	%
1	Saya lebih faham cara menjawab soalan karangan setelah guru mengajar menggunakan kaedah IsSam	30	100	0	0
2	Saya suka cara guru mengajar menggunakan kaedah IsSam	30	100	0	0
3	Saya diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti P&P	30	100	0	0
4	Kaedah ini sangat berkesan membantu saya menulis karangan dengan baik	30	100	0	0
5	Saya lebih berkeyakinan untuk menulis karangan	30	100	0	0
6	Bimbingan guru sangat berkesan	30	100	0	0

Berdasarkan analisis keberkesanan terhadap pengajaran guru menggunakan Kaedah IsSam, mendapati 30 orang atau 100% responden menjawab Ya terhadap semua item yang disoal.

Ujian Pos

Ujian Pos telah dilaksanakan pada 12.04.2010 (Isnin) untuk meninjau keberkesanan pengajaran pengkaji menggunakan Kaedah IsSam. Pengkaji telah memberikan satu tajuk karangan fakta kepada murid. Tajuk karangan ialah “Kepentingan Melayari Internet”. Skema pemarkahan

ditetapkan semasa menyemak ujian pos adalah sama dengan skema pemarkahan semasa ujian pra.

ARAS	SKOR	KESALAHAN BAHASA	KRITERIA PENILAIAN
CEMERLANG	25 - 30	01- 05	-sekurang-kurangnya 3 isi -pengolahan idea yang sangat baik -persembahan menarik
BAIK	16 - 24	06 - 10	-sekurang-kurangnya 2 isi -pengolahan idea yang baik -persembahan masih menarik
MEMUASKAN	08 -15	11 - 15	-sekurang-kurangnya 1 isi -persembahan mudah dan ringkas
PENCAPAIAN MINIMUM	TAHAP 01 - 07	16 ke atas	-isi kurang jelas dan tidak tepat -persembahan tidak sesuai dengan tajuk

10 orang responden yang sama daripada kategori GALUS yang menjalankan ujian pra direkodkan keputusan ujian pos.

Keputusan Ujian Pos


Bil	Responden	Skor
1	Murid 1	18
2	Murid 2	18
3	Murid 3	18
4	Murid 4	16
5	Murid 5	22
6	Murid 6	18
7	Murid 7	18
8	Murid 8	20
9	Murid 9	18
10	Murid 10	21

Pada keseluruhannya, hasil dapatan analisis ujian pos, menunjukkan bahawa, semua responden telah mencapai tahap baik iaitu di antara skor 16 hingga 22. Murid-murid ini sebenarnya berupaya menulis karangan yang baik jika kaedah yang digunakan oleh guru sesuai dengan kebolehan mereka. Malah latih tubi yang diberikan oleh guru semasa sesi pengajaran dapat memberi kesan positif ke arah peningkatan dari segi jumlah markah murid.

Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos

Bil	Responden	Ujian Pra	Ujian Pos
1	Murid 1	13	18
2	Murid 2	14	18
3	Murid 3	12	18
4	Murid 4	12	16
5	Murid 5	14	22
6	Murid 6	14	18
7	Murid 7	14	18
8	Murid 8	12	20
9	Murid 9	13	18
10	Murid 10	12	21

Rajah 1: Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos Terhadap 10 Orang Murid



Berdasarkan keputusan ujian pos, jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi jumlah markah dalam penulisan karangan fakta setelah murid menggunakan kaedah IsSam dalam penulisan karangan.

Rumusan Dan Cadangan

Strategi pengajaran yang berkesan memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan prestasi penulisan murid-murid. Penggunaan kaedah pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran akan dapat meningkatkan kemahiran membina ayat serta kemahiran menulis isi-isi penting.

Penggunaan strategi pengajaran yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran amat mempengaruhi pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu. Hasil kajian telah menunjukkan pencapaian pelajar bertambah baik selepas Kaedah IsSam ini digunakan. Sekiranya guru dapat mempelbagaikan strategi serta kreatif, maka pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan berkesan. Kaedah ini telah bukan sahaja mempertingkatkan prestasi pelajar malah dapat meningkat kebolehan pelajar dalam mengembangkan isi, mencari isi-isi penting yang merangkumi isi utama dan isi sampingan.

Strategi pengajaran yang disarankan dalam KBSM ialah strategi pengajaran yang berpusatkan murid agar dapat meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran bahasa dan seterusnya melahirkan pelajar yang dapat berinteraksi serta berfikir secara kreatif dan kritis. Seterusnya pencapaian murid secara keseluruhannya dapat ditingkatkan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran. Implikasi kajian ini, para pendidik, pihak pentadbir sekolah, jabatan pendidikan negeri dan institut pendidikan guru diharapkan akan mempertingkatkan usaha ke arah meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang inovatif, kreatif, berdaya fikir dan berpusatkan murid.

Kajian Tindakan untuk menguji sejauhmana keberkesanan kaedah IsSam telah dijalankan dalam ruang masa yang terhad. Oleh itu pengkaji mencadangkan beberapa perkara diberi perhatian. Antaranya

- 1) Menjalankan kajian lanjutan meliputi skop yang lebih luas dan menyeluruh supaya boleh digeneralisasikan. Pengkaji boleh melihat keberkesanan pengajaran ini terhadap semua murid di sekolah kajian. Kajian juga boleh diperluaskan kepada sekolah-sekolah yang lain.
- 2) Membuat pemantauan dari semasa ke semasa perkembangan murid yang telah didedahkan dengan kaedah IsSam dengan kerjasama guru-guru Bahasa Melayu di sekolah terlibat.

- 3) Memberi pendedahan kepada guru-guru Bahasa Melayu berkaitan Kaedah IsSam agar dapat mereka gunakan sebagai salah satu kaedah mengajar karangan di samping menggunakan kaedah-kaedah yang lain
- 4) Kajian berbentuk triangulasi yang meliputi temu bual pelajar dan guru serta pemerhatian supaya dapat mencerminkan keadaan sebenar proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah

RUJUKAN

- Arbak Othman, (1985). *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng, (1995). *Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng, (1990). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu* . Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jais Sahok dan Mat Nor Husin, (1990). *Pendidikan Pemulihan*. Petaling Jaya : Masa Enterprise
- Kamaruddin Hj. Husin, (1998). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian sukatan Pelajaran Malaysia KBSR*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mohd. Taib Osman, (1997). *Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang, (1993). *Asas Pedagogi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin, (1996). *Semantik dan Pragmatik : Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roselan Baki, (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu : Senario, Teori dan Panduan untuk Guru dan Pelajar*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Siti Nur Hidayah Abdullah “ *Kepentingan Pengajaran Berpusatkan Pelajar*” dlm. Pelita Bahasa 20 (12), hlm 37, Disember 2008.
- Zainal Abidin Safarwan, (2006). *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.